

PM: BN yakin kejayaan cemerlang dalam pilihanraya

# Lebih dari dua pertiga

Oleh ZAINI HASSAN

**K**UALA LUMPUR 4 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan mencapai kejayaan paling cemerlang dalam pilihanraya umum akan datang dan memperolehi majoriti lebih daripada dua pertiga.

Perdana Menteri berkata, keyakinan itu berasaskan kepada prestasi ekonomi dan pembangunan negara yang kini telah mendapat perhatian dunia.

Katanya, jika dalam pilihanraya 1990, BN hanya mampu memperolehi kemenangan dengan majoriti dua pertiga sahaja, kali ini ia akan menang lebih daripada itu.

“Prestasi kita sebagai kerajaan lebih baik kali ini daripada dahulu. Melainkanlah jika rakyat tak nampak kebaikan yang kita buat, yang mana dunia nampak,” katanya.

Presiden UMNO itu berkata demikian pada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat

Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat parti itu di sini hari ini.

Sehubungan dengan itu beliau membidas sikap parti lawan yang sengaja menimbulkan pelbagai isu bagi menarik perhatian rakyat, termasuklah mengenai isu pengambilan tanah di Melaka.

“Parti lawan bising sahaja dan cari isu... benda dulu (pengambilan tanah) yang dia tak sokong sekarang dia sokong kerana nak isu politik... tiba-tiba bercakap soal keadilan,” jelasnya.

Katanya, mesyuarat yang diadakan pagi ini ada membincangkan kemungkinan mengadakan pilihanraya, tetapi tiada keputusan apa-apa, ia termasuklah mengenai senarai calon yang akan bertanding.

Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, jentera parti telah cukup bersedia untuk menghadapi pilihanraya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri seolah-olah membayangkan bahawa pilihanraya umum tidak

■ Lihat muka 2

# Lebih dari dua pertiga

akan diadakan tahun ini, tetapi kemungkinan pada atau selepas Januari depan.

Menurut beliau sesiapa yang berhajat untuk memohon cuti sehingga Januari ini boleh berbuat demikian.

"Cuti para menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri juga diluluskan.

Katanya, mana-mana menteri yang tidak mengambil cuti tahun ini, mungkin tahun depan mereka tidak boleh ambil, melainkan dapat kebenaran, boleh dibawa ke hadapan.

"Tetapi kebanyakan menteri tahun depan mungkin orang lainlah (jika banyak menteri yang ingin bercuti). Siapa hendak cuti pergilah tetapi kalau kita tersilap, kita tidak ambil nama dia menjadi calon," katanya berseloroh.

Beliau bagaimanapun menambah: "Saya bagi nasihat kepada semua supaya selalu bersiap sedia, mungkin ada yang mahu minta cuti dalam November, Disember dan Januari dengan harapan saya kata tak boleh pergi kerana bulan Januari ada pilihanraya... saya benarkan semua pergi. Tapi dengan kefahaman bahawa jika ada pilihanraya mereka terpaksa balik lah..." katanya.

Beliau berkata, pilihanraya tidak dapat dielakkan ia akan tetap diadakan pada masa sekarang atau sehingga penghujung tahun depan.

"Masa (bila) kita belum tetapkan lagi, tetapi saya bagi nasihat kepada semua supaya selalu bersiap sedia..." katanya.

Mengenai persiapan jentera pilihanraya UMNO, beliau berkata, parti itu cukup bersedia untuk menghadapinya.

"Bahkan mengikut satu kajian di beberapa kawasan mendapati ahli UMNO melebihi 50 peratus daripada pengundi di kawasan berkenaan," katanya.

Diminta mengulas mengenai kenyataan Pengerusi SPR, Datuk Harun Din yang mengatakan suruhanjaya itu menerima lebih 29,000 bantahan daripada orang ramai berhubung daftar pemilih terbaru yang dipamerkan selama dua minggu, bulan lalu, Dr. Mahathir berkata:

"Saya hairan juga, di Kelantan sebanyak 17,000 bantahan diterima. Saya tak tahu apa terjadi di Kelantan... banyak sangat nampak tak kena. Ini akan menyebabkan banyak masa dihabiskan untuk kita selesaikan masalah ini.

"Mungkin sebab itu katanya (SPR), kita tak dapat gunakan daftar pemilih baru ini sehingga bulan Januari ini," tambah beliau.

Ditanya apakah dengan perkembangan ini, pilihanraya tidak boleh diadakan sekarang, Dr. Mahathir secara berseloroh berkata, terpujanglah, jika mahu tunggu boleh tunggu "tetapi lis (daftar pemilih) lama pun sedap (sesuai), yang baru pun sedap."

Ditanya mengenai langkah Tengku Razaleigh Hamzah yang akan menjawab tuduhan Dr. Mahathir Ahad ini berhubung dakwaannya bahawa Presiden Semangat 46 itu memburukkan negara melalui program televisyen Perbadanan Penyiaran Australia (ABC), Perdana Menteri berkata:

"Itu hak dia untuk menjawab, negara kita demokratik tapi jelas sekali dalam ABC dia kata kononnya korupsi (rasuah) di Malaysia berbilion-bilion.

"Jika sebuah negara yang mempunyai pemimpin yang begitu korup, bolehkah ia tumbuh 8 peratus tiap-tiap tahun selama tujuh tahun berturut-turut, boleh kawal inflasi, boleh wujudkan peluang pekerjaan sehingga tiada pekerja... tapi sebenarnya tuduhan beliau itu adalah iri hati.

"Masa dia (Tengku Razaleigh) dulu, pengangguran banyak, hutang banyak walaupun dia jadi menteri..."

Menjawab soalan mengenai hubungan UMNO dengan parti-parti komunis, terutamanya dengan Republik Rakyat China beliau berkata, hubungan itu adalah berdasarkan jalinan perdagangan di antara kedua-dua negara.

"Tidak bermakna dengan hubungan ini kita akan menerima ideologi mereka."